

## Cabaran Komunikasi dalam Pengajaran Pendidikan Islam kepada Murid Kurang Upaya Pendengaran

### *Communication Challenges in Teaching Islamic Education to Pupils with Hearing Impairment*

IZULI DZULKIFLI\*, ASMAWATI SUHID, FATHIYAH MOHD FAKHRUDDIN & NOR ANIZA AHMAD<sup>1</sup>

#### ABSTRACT

*Pupils with hearing impairment have their own form of communication. They also get the opportunity to learn Islamic Education subject at the primary level in the Special Primary Schools (SPK) and Special Education Integrated Programme (PPKI). Islamic Education subject has six main areas namely al-Quran, Akidah, Ibadah, Akhlak, Sirah and Jawi. Since the level of hearing and speech impairment of the pupils with special needs are limited, it is essential that the communication aspect in teaching should be taken into the teachers' consideration. The objective of this study is to explain the method of communication used by the teachers as well as the challenges in communication during teaching Islamic Education subject to pupils with hearing impairment. This study utilized the qualitative approach in the form of a case study, using the interview technique and document analysis to obtain data. The findings showed there were inconsistencies in the teachers' communication in delivering the Islamic Education subject to the pupils. Lack of proper codes or signs related to Islamic Education and lack of skills in using sign language are the reasons for inconsistencies in the teachers' communication in delivering the subject to the pupils.*

*Keywords: communication, education, Islamic Education, hearing impairment, teaching*

Di Malaysia, mata pelajaran Pendidikan Islam diwajibkan kepada murid yang beragama Islam. Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) seksyen 50, telah menetapkan bahawa jika sesebuah institusi pendidikan itu terdapat lima atau lebih yang menganut agama Islam, maka murid-murid itu hendaklah diberikan pengajaran agama Islam oleh guru yang diluluskan oleh Pihak berkuasa Negeri (Maklumat Pendidikan Khas, 2007). Pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah melibatkan beberapa bidang seperti Tilawah al-Quran, Akidah, Ibadah, Adab, Sirah dan Jawi (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2004). Pendidikan Islam adalah amat penting sebagai proses pengisian jiwa atau kerohanian bagi seseorang individu muslim. Ia bertepatan

---

<sup>1</sup> **Izuli Dzulkifli\*** (*corresponding author*), M.A., lecturer at Research Centre for Quran and Sunnah, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 BANGI, Selangor, Malaysia, email: izuli@ukm.edu.my; **Asmawati Suhid**, Ph.D., associate professor at Department of Language and Humanities Education, Faculty of Education Studies, Universiti Putra Malaysia, 43400 SERDANG, Selangor, Malaysia, email: asmawati@upm.edu.my; **Fathiyah Mohd Fakhruddin**, Ph.D., senior lecturer at Department of Language and Humanities Education, Faculty of Education Studies, Universiti Putra Malaysia, 43400 SERDANG, Selangor, Malaysia, email: fathi@upm.edu.my; **Nor Aniza Ahmad**, Ph.D., senior lecturer at Department of Foundations of Education, Faculty of Education Studies, Universiti Putra Malaysia, 43400 SERDANG, Selangor, Malaysia, email: nor\_aniza@upm.edu.my.

dengan Falsafah Pendidikan Islam sendiri iaitu mendidik pelajar agar dapat menguasai ilmu, amalan dan kemahiran dalam hidup yang telah ditetapkan supaya mata pelajaran Pendidikan Islam dapat menyumbang ke arah pembentukan diri muslim mukmin yang berilmu, beriman, beradab, berakhlak mulia, berketerampilan, bertanggungjawab, beramal soleh dan bertakwa. Berdasarkan perkara tersebut, setiap murid yang beragama Islam termasuk Murid Berkeperluan Khas (MBK) kurang upaya pendengaran juga tidak terkecuali daripada mempelajari mata pelajaran Pendidikan Islam.

Murid Berkeperluan Khas (MBK) kurang upaya pendengaran adalah murid yang diperakukan oleh pengamal perubatan, ahli optik, ahli audiologi atau ahli psikologi, mengikut mana-mana yang berkenaan, sama ada dalam perkhidmatan kerajaan atau tidak, sebagai murid yang mempunyai ketidakupayaan pendengaran (Warta Kerajaan Persekutuan, 2013). Kebiasaannya MBK kurang upaya pendengaran turut mengalami ketidakupayaan yang lain seperti pertuturan, bahasa dan komunikasi. Kelemahan dalam berkomunikasi dengan MBK kurang upaya pendengaran ini akan memberi kesan dalam proses pembelajaran mereka (Safani et al. 2005). Julia & Siti Suhaila (2007), menyatakan masalah pendengaran merupakan kehilangan seluruh atau sebahagian kemampuan mendengar daripada satu atau kedua-dua belah telinga. Masalah utama kanak-kanak bermasalah pendengaran ialah kesukaran dalam pertuturan, bahasa dan berkomunikasi secara lisan. Suatu ketika dahulu, kanak-kanak bermasalah pendengaran kurang dan tidak diberi peluang untuk bertutur dan berkomunikasi dengan individu normal. Faktor ini merupakan antara perkara yang menyebabkan proses perkembangan bahasa, pencapaian akademik dan psikososial mereka terjejas (Abdullah 2001). Namun, dengan penggunaan implan koklea dan alat bantu pendengaran mampu meningkatkan penguasaan akademik murid bermasalah pendengaran di sekolah (Noreha 2008). Tahap kehilangan pendengaran yang dihadapi oleh MBK kurang upaya pendengaran adalah berbeza. Sebahagian MBK kurang upaya pendengaran hilang keupayaan pendengaran di tahap ringan, sederhana, sederhana teruk dan amat teruk untuk menerima bunyi dan maklumat (Asiah 2012).

MBK kurang upaya pendengaran diberi kemudahan pembelajaran Pendidikan Islam secara formal di peringkat sekolah rendah melalui Sekolah Pendidikan Khas (SPK) dan di sekolah yang menawarkan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI). Di antara keenam-enam bidang Pendidikan Islam, bidang Tilawah al-Quran dan akidah merupakan bidang yang paling sukar dipelajari oleh MBK kurang upaya pendengaran (Hamdi 2011). Bidang Tilawah al-Quran memerlukan murid menyebut dan membaca al-Quran, sedangkan inilah masalah mereka yang paling utama, kerana murid tidak dapat mendengar dan menyebut semula apa yang didengari tanpa bantuan alat pendengaran. Dalam bidang akidah pula beberapa perkara abstrak seperti pahala, dosa, syirik dan lain-lain lagi amat sukar untuk disampaikan kepada MBK kurang upaya pendengaran kerana kosakata yang terhad dalam bahasa isyarat yang menyebabkan guru kurang perkataan untuk menerangkan sesuatu perkara (Mohd Huzairi 2017). Kesukaran dalam memahami perkara abstrak yang ingin disampaikan boleh menyebabkan MBK kurang upaya pendengaran akan ketinggalan dalam pembelajaran Pendidikan Islam.

Oleh yang demikian, komunikasi yang sesuai perlu digunakan oleh guru dalam pengajaran Pendidikan Islam bagi MBK kurang upaya pendengaran. Memandangkan MBK kurang upaya pendengaran tidak dapat berkomunikasi dengan baik dan mempunyai tahap kehilangan pendengaran yang pelbagai, persoalan mengenai kaedah komunikasi yang digunakan oleh guru semasa proses pengajaran Pendidikan Islam adalah suatu yang perlu dikaji. Dalam aspek pemerolehan bahasa dan maklumat, didapati komuniti pekak jauh ketinggalan berbanding pelajar tipikal dan telah menyebabkan mereka menghadapi kesukaran berkomunikasi sesama mereka mahupun dengan orang biasa (Abdullah 2001). Sistem komunikasi yang sesuai perlu diterapkan bagi menghasilkan pengajaran berkesan terhadap MBK kurang upaya pendengaran dalam mempelajari Pendidikan Islam. Justeru, objektif kajian ini adalah untuk menjelaskan bentuk komunikasi yang digunakan oleh guru dan cabaran komunikasi yang dihadapi dalam pengajaran Pendidikan Islam bagi MBK kurang upaya pendengaran.

## Komunikasi Pengajaran bagi Murid Pekak

Bagi menjadikan pengajaran guru berkesan, pemilihan sistem komunikasi perlu dibuat berdasarkan individu, iaitu dengan mengambil kira ciri-ciri yang ada pada seseorang kanak-kanak dan sumber-sumber yang ada. Kebiasaannya, murid yang mengalami masalah pendengaran menghadapi kesukaran berkomunikasi semasa pembelajaran di dalam kelas (Antia 2007). Namun, bagi kanak-kanak bermasalah pendengaran yang memakai alat pendengaran atau implan koklea sejak bayi secara konsisten boleh bertutur dengan menggunakan alatan tersebut (Juliana et al. 2017). Carol Marchetti et al. (2012) dalam kajian mereka menyatakan bahawa guru boleh menggunakan kaedah komunikasi yang pelbagai bagi mencapai hasil pembelajaran murid pekak. Guru yang mengajar murid pekak dan bermasalah pendengaran perlu mempunyai kemahiran komunikasi agar dapat membantu meningkatkan pencapaian murid di dalam pembelajaran (Antia, Sabers, & Stinson 2007; Shirin et al. 2009).

Bahasa isyarat merupakan salah satu bentuk komunikasi yang digunakan oleh golongan yang mengalami masalah pendengaran atau ketidakupayaan pendengaran. Komuniti pekak di Amerika Syarikat menggunakan American Sign Language (ASL) untuk berkomunikasi (Grushkin 2006 & Kelly 2019). Kajian Zohreh Ghari (2016) di Iran menunjukkan beberapa kesan akibat komunikasi yang kurang berkesan ke atas golongan pekak dan bermasalah pendengaran. Kajian tersebut menunjukkan bahawa kesan komunikasi yang kurang berkesan mengakibatkan masalah dalam pelbagai perkara kepada golongan pekak termasuk bidang pendidikan (Ghari 2016). Di Pakistan, pendekatan Oral digunakan di dalam bilik darjah sebagai bentuk pengajaran. Manakala Pakistani Sign Language (PSL) pula berbeza dari sebahagian kawasan dengan kawasan yang lain (Akram et al. 2013). Guru-guru sekolah Pendidikan Khas di sana tidak mampu menyampaikan pengajaran menggunakan PSL dengan baik (Khatoon 2003). Di Indonesia pula pengajaran Pendidikan Islam kepada murid pekak menggunakan dua kaedah komunikasi yang utama. Kaedah pertama menggunakan kaedah manual melalui Bahasa Isyarat berserta ejaan jari. Kaedah kedua adalah dengan menggunakan kaedah oral dengan menekankan latihan pertuturan dan bacaan bibir (Ns. Mardiyanti & Luh Putu 2018).

Di Malaysia kaedah oral mula-mula sekali digunakan di Sekolah Pekak Persekutuan Pulau Pinang (Chua 1976). Dalam kaedah oral, pengajaran dilakukan dengan menggunakan pertuturan, bacaan bibir dan tulisan (Chua 1980). Kaedah ini adalah satu kaedah yang mengutamakan pertuturan berbanding isyarat dan asas kepada kaedah ini ialah pertuturan mesti diajar bagi mempelajari bahasa. Tetapi kaedah tersebut digunakan hanya selama 20 tahun dan digantikan dengan Kaedah Seluruh. Menurut Greenberg et al. (1995) jika penekanan hanya tertumpu pada lisan bahasa semata-mata, pelajar pekak akan menghadapi kesukaran bertutur atau membaca berbanding jika mereka diajar bahasa isyarat, bacaan bibir dan bahasa lisan pada masa yang sama.

Seterusnya Pertuturan Kiu mula digunakan di Malaysia dan telah diasaskan oleh Dr. Orin Cornett yang berasal dari Amerika pada tahun 1967 (Patsy 1995). Kaedah ini adalah gabungan oral-aural sebutan struktur suku kata dan sebutan biasa (clear visual representation of language). Kaedah ini menggunakan lapan bentuk tangan dan tiga kedudukan tangan. Ia mula digunakan pada tahun 1992 di Sekolah Rendah Kebangsaan Sultan Alam Shah yang terletak di Petaling Jaya. Patsy (1995) menyatakan bahawa Pertuturan Kiu sangat sesuai sebagai alat untuk mengajar pelajar pekak bertutur sebaliknya kurang sesuai sebagai alat untuk menguasai bahasa. Kaedah ini tidak mendapat sambutan yang menggalakkan dan diadapati hanya digunakan oleh pihak tertentu seperti pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang mengadakan kelas pendidikan kepada pelajar pekak. Penggunaan Pertuturan Kiu di Malaysia lebih memberi kesan yang lebih baik kepada pencapaian murid bermasalah pendengaran dalam pembelajaran Bahasa Melayu dan Matematik berbanding murid yang menggunakan Bahasa Isyarat (Yasin, et al. 2013).

Kaedah *Auditori Verbal* juga antara kaedah yang telah diperkenalkan di Malaysia untuk menyampaikan maklumat kepada golongan kurang upaya pendengaran. Pendekatan ini

digunakan bagi menggalakkan dan melatih pelajar pekak untuk menggunakan pendengaran mereka sama ada dengan menggunakan alat bantu pendengaran atau pun melalui implan koklea untuk belajar bahasa (Kartini 1997). Goh, et al. (2018) telah mendapati bahawa kanak-kanak yang menggunakan implan koklea menunjukkan pencapaian lebih baik daripada kanak-kanak yang memakai alat bantu pendengaran. Kanak-kanak yang melakukan implan koklea pada umur prasekolah lebih cepat menyertai sekolah biasa berbanding kanak-kanak yang menggunakan alat bantu pendengaran. Menurut Simser (1997) terdapat empat prinsip utama kaedah Auditori Verbal iaitu; Terapi diagnostik individu dengan penglibatan ibu bapa, penggunaan pertuturan, perkembangan semulajadi dan mempelajari bahasa melalui interaksi yang semulajadi dan bermakna. Oleh itu artikel ini bertujuan menjelaskan kaedah komunikasi yang digunakan oleh guru serta cabaran dalam komunikasi ketika mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam kepada MBK kurang upaya pendengaran.

### Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian ini merupakan kajian kes dengan menggunakan pendekatan kualitatif. Instrumen yang digunakan adalah temu bual separa berstruktur dan bagi mendapatkan data kajian. Jadual 1 menunjukkan seramai lapan (8) orang guru dari Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dan Sekolah Pendidikan Khas (SPK) telah dipilih menjadi responden. Pemilihan responden berdasarkan persampelan bertujuan (*purposive sampling*) dan kriteria responden yang terpilih adalah di kalangan guru yang mengajar Pendidikan Islam bagi MBK kurang upaya pendengaran di Selangor dan berpengalaman mengajar Pendidikan Islam bagi MBK kurang upaya pendengaran sekurang-kurangnya tiga tahun. Nama sebenar guru-guru yang menjadi responden adalah dirahsiakan dan digantikan dengan kod, seperti contoh Guru pertama yang menjadi responden dikodkan dengan G1.

Jadual 2: Latar Belakang Guru

Guru	Jantina	Umur	Pengalaman	Jenis Sekolah
G1	Perempuan	33	3 Tahun	*PPKI
G2	Perempuan	40	19 Tahun	*PPKI
G3	Perempuan	43	10 Tahun	*PPKI
G4	Perempuan	36	10 Tahun	*PPKI
G5	Perempuan	48	5 Tahun	*PPKI
G6	Perempuan	45	3 Tahun	*PPKI
G7	Lelaki	34	5 Tahun	*PPKI
G8	Lelaki	32	6 Tahun	**SPK

Kajian ini menggunakan model komunikasi yang dikemukakan oleh Bernice Burnip dalam Louise Porter. Menurut Bernice Burnip dalam Louise Porter (2002: 154), komunikasi ialah perbuatan bertukar-tukar pendapat, idea, keperluan dan keinginan. Selain itu, beliau turut menyatakan bahawa pertuturan dan bahasa adalah sebahagian daripada proses komunikasi. Terdapat beberapa komponen yang terlibat dalam komunikasi. Bernice (2002) telah mengklasifikasikan kepada beberapa bahagian iaitu non-verbal dan verbal. Ini bermakna komunikasi boleh dilakukan samaada dengan cara *non-verbal* iaitu dengan menunjukkan ekspresi muka, isyarat badan dan lain-lain. Melalui model Burnice Burnip, boleh difahami bahawa komunikasi terhadap MBK kurang upaya pendengaran boleh disampaikan melalui tiga kaedah utama iaitu kaedah lisan, kaedah manual dan gabungan kaedah lisan dan manual. Kaedah lisan melibatkan auditory-verbal dan *speech therapy* iaitu melalui bacaan bibir, dan kaedah manual pula melibatkan penggunaan kod tangan, bahasa isyarat dan ejaan jari. Manakala gabungan kaedah lisan, manual dan mimik muka menghasilkan komunikasi seluruh (*total communication*).

## Dapatan Kajian

Dalam kajian ini, terdapat beberapa kaedah komunikasi yang digunakan oleh guru dalam menyampaikan pengajaran Pendidikan Islam kepada MBK kurang upaya pendengaran iaitu Kod Tangan Bahasa Melayu, Komunikasi seluruh, Bahasa Isyarat Malaysia, Bahasa Isyarat Islam dan ejaan jari. Dapatan kajian berkenaan kaedah komunikasi yang digunakan adalah berdasarkan soalan temu bual separa berstruktur: 1. Bagaimanakah anda menyampaikan pengajaran mata pelajaran Pendidikan Islam kepada MBK kurang upaya pendengaran? 2. Apakah kaedah atau pendekatan yang digunakan oleh anda selain penggunaan kod tangan dan bahasa isyarat? dan; 3. Bagaimana anda menerangkan kepada murid perkara atau sesuatu perkataan yang anda tidak ketahui dan tidak terdapat dalam kod tangan dan bahasa isyarat?

a. *Kod Tangan Bahasa Melayu*: Dapatan kajian mendapati kesemua guru yang menjadi peserta kajian menggunakan Kod Tangan Bahasa Melayu (KTBM) sebagai medium komunikasi dalam pengajaran Pendidikan Islam kepada MBK kurang upaya pendengaran. KTBM adalah terjemahan lisan kepada visual dan telah diperkenalkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) pada 1985. Kod tangan ini juga dirujuk sebagai Bahasa Malaysia Kod Tangan, iaitu bentuk yang didapati dalam Ethnologue dengan tambahan beberapa isyarat tempatan, dan isyarat tatabahasa mewakili tambahan kata nama dan kata kerja dalam Bahasa Melayu. KTBM juga boleh disamaertikan dengan Bahasa Melayu Kod Tangan (BMKT). Kod Tangan Bahasa Malaysia (KTBM) merupakan bentuk isyarat tangan yang disarankan oleh kerajaan Malaysia sebagai bahasa komunikasi bagi orang yang pekak untuk digunakan di Sekolah Pendidikan Khas dan Program Pendidikan Khas Integrasi.

“Penyampaian pengajaran guna Kod Tangan Bahasa Melayu (KTBM). Itu yang memang Kementerian guna untuk sekolah-sekolah.” (Temu bual G1).

“Saya guna KTBM lah. Kod Tangan Bahasa Melayu untuk mengajar murid ni (MBK kurang upaya pendengaran).” (Temu bual G2)

“Di sekolah-sekolah biasanya kita gunakan Kod Tangan Bahasa Melayu.” (Temu bual G3).

“Saya pakai Kod Tangan Bahasa Melayu KTBM.” (Temu bual G4).

Penggunaan KTBM juga dibantu dengan bentuk tulisan dan ejaan yang disampaikan oleh guru supaya murid dapat memahani sesuatu perkara dengan jelas, sepertimana hasil temu bual bersama G6.

“Kita gunakan KTBM. Mereka boleh faham. Tapi kita kena tulis dulu di depan, kita eja sikit, kemudian suruh dia eja pula.” (Temu bual G7).

“Kalau dari segi PdPc (Pembelajaran dan Pemudahcaraan) saya mengajar menggunakan Kod Tangan Bahasa Melayu.” (Temu bual G8).

b. *Komunikasi Seluruh*: Terdapat sebahagian peserta kajian turut menggunakan kaedah komunikasi seluruh (total communication) sepertimana hasil temu bual bersama G4, G6 dan G8.

“Kita tunjukkan perkataan tu dengan isyarat kita dengan seluruhnya lah dengan *total communication*, memek muka tu kena tunjukkan sekali.” (Temu bual G4)



“Setakat ni tu ja la. Cakap, buat isyarat, buat gaya. Jadi, kena bersuara dan kena gunakan isyarat sekali.” (Temu bual G6)

“Kaedah pengajaran dan Pembelajaran (PdP) MBK ketidakupayaan pendengaran dalam semua mata pelajaran adalah menggunakan konsep komunikasi seluruh (*total communication*) yang mengutamakan lisan dan bukan lisan serta dengan ekspresi muka dan badan.” (Temu bual G8)

Komunikasi seluruh atau *total communication* adalah satu kaedah yang menggunakan pendengaran termasuk melalui alat bantuan pendengaran di samping mengukuhkan pertuturan dengan menggunakan isyarat. Kaedah ini turut menggunakan beberapa teknik seperti gerak geri, percakapan, isyarat biasa, ejaan jari, membaca gerak bibir, membaca dan menulis. Setelah kaedah oral dikatakan menemui kegagalan, maka kaedah Komunikasi Seluruh pula digantikan. Kaedah ini telah mula diperkenalkan di Maryland School Frederick, Amerika Syarikat. Kaedah ini didapati sesuai dengan pendidikan pelajar pekak dan turut diperkenalkan di Malaysia. Menurut Charlotte Wilson (2013), kaedah Komunikasi Seluruh adalah bentuk komunikasi isyarat yang menggunakan jejari, lengan, tangan, mimik muka dan pergerakan badan. Komunikasi Seluruh adalah berbeza dengan KTBM, di mana KTBM ialah suatu bentuk bahasa perhubungan yang telah dibentuk mengikut asas-asas Komunikasi Seluruh dan sistem kod yang dibina berasaskan tatabahasa dan mengikut prinsip-prinsip Bahasa Melayu yang didengar, ditutur, ditulis, dibaca dan difahami oleh semua. Patsy (1995) menyatakan bahawa penggunaan KTBM yang betul dapat menerangkan dua makna bagi satu perkataan dan sangat penting kepada pelajar pekak yang bersekolah, kerana melalui komunikasi mereka akan memperoleh bahasa.

c. *Bahasa Isyarat Malaysia*: Sebahagian peserta kajian juga turut menggunakan Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) dalam penyampaian pengajaran Pendidikan Islam sepertimana hasil temu bual bersama G2.

“Kadang-kadang saya guna bahasa nilah, BIM (Bahasa Isyarat Malaysia).” (Temu bual G2)

Penggunaan Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) digunakan apabila guru tidak mendapati atau mengetahui kod bagi sesuatu perkataan dalam buku panduan KTBM, sepertimana hasil temu bual bersama G1, G3 dan G4.

“BIM ni saya akan guna bila takda dalam KTBM. Sebab kita kena utamakan KTBM dulu.” (Temu bual G1)

“Kalau takda dalam KTBM tu guna yang tu lah tadi apa...Haa BIM. Sebab kena rujuk banyak buku sebab kat sini (KTBM) tak da perkataan yang kita nak tu.” (Temu bual G3)

“Sebab sesetengah perkataan tu tidak ada dalam buku panduan kod KTBM. Jadi saya terpaksa menggunakan buku BIM.” (Temu bual: G4)

Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) merupakan bahasa isyarat yang digunakan secara harian di kalangan orang pekak. BIM jarang digunakan dalam sistem pendidikan khas di sekolah-sekolah dan kadangkala BIM memiliki pelbagai bentuk isyarat yang berbeza antara negeri dengan negeri yang lain di Malaysia. Dikatakan juga bahawa struktur BIM tidak sama dan berbeza dengan KTBM, di mana BIM tidak mementingkan struktur tatabahasa Bahasa Melayu yang betul. Kadangkala ada

beberapa kod tangan bagi perkataan tertentu yang tidak terdapat dalam KTBM, maka guru terpaksa menggunakan BIM sebagai alternatif.

d. *Bahasa Isyarat Islam*: Bahasa Isyarat Islam biasanya digunakan bagi istilah-istilah agama yang berasal daripada Bahasa Arab. Di Malaysia, Bahasa Isyarat Islam telah disusun oleh Persatuan Orang Pekak Islam Malaysia (PRISMA). Oleh kerana terdapat beberapa perkataan yang tiada dalam KTBM dan BIM, maka sebahagian guru menggunakan Bahasa Isyarat Islam untuk memberi kefahaman mengenai maksud ayat atau perkataan kepada MBK kurang upaya pendengaran. Hal ini diperolehi melalui hasil temu bual bersama G3.

“Dia yang agama sendiri punya pun ada. Buku tu Bahasa Isyarat Islam, orang Islam pekak punya terbitan.” (Temu bual G3)

e. *Ejaan Jari*: Ejaan jari termasuk salah satu kaedah komunikasi bukan lisan yang digunakan oleh guru untuk menyampaikan isi kandungan pembelajaran Pendidikan Islam kepada MBK kurang upaya pendengaran. Kebiasaannya guru akan menggunakan ejaan jari apabila tidak mendapati kod atau isyarat tangan di dalam buku panduan KTBM, Bahasa Isyarat Malaysia dan Bahasa Isyarat Islam, sepertimana hasil temu bual bersama G3 dan G7.

“Selalunya kalau dah tak tahu atau tak jumpa isyarat yang sesuai, saya buat ejaan jari saja. Sebab sesetengah perkataan tu tidak ada dalam buku panduan kod KTBM.” (Temu bual G3)

“Ada juga perkataan yang susah nak bagi faham pada murid-murid ni macam perkataan rukun, dosa besar dan banyak lagi lah. Selalunya perkataan yang susah ni saya buat ejaan, lepastu beri maksud yang hampir sama.” (Temu bual G7)

Jadi kebiasaannya, guru akan menggunakan kaedah ejaan jari apabila tidak mendapati kod tangan atau isyarat tangan dalam buku rujukan atau pengetahuan mereka. Ejaan jari juga digunakan apabila murid tidak memahami penyampaian guru melalui kod tangan ciptaan mereka sendiri berdasarkan hasil temu bual bersama G5.

“Ada sekali tu saya tunjuk isyarat sembahyang zuhur. Sembahyang zuhur ni kan empat rakaat. Bila saya buat isyarat zuhur dengan isyarat rakaat budak-budak ni tak faham. Diorang geleng kepala. Lepastu saya tulis kat depan (papan tulis) dan buat ejaan guna jari.” (Temu bual G5)

Secara umumnya, penggunaan KTBM merupakan medium komunikasi utama dalam pengajaran kepada MBK kurang upaya pendengaran di dalam sistem Pendidikan Khas. Namun demikian, bentuk komunikasi yang lain juga turut dibenarkan oleh KPM bagi membantu guru menyampaikan pengajaran dan pembelajaran bagi murid. Perkara ini dijelaskan melalui analisis dokumen dari Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas (Ketidakupayaan Pendengaran) Pendidikan Islam (Suaian 2017) menyatakan:

Bahasa isyarat merupakan bahasa visual yang menggunakan bentuk tangan, ekspresi wajah, pergerakan dan bahasa tubuh sebagai medium untuk berkomunikasi. Dalam penghasilan isyarat, elemen-elemen yang perlu diberi perhatian ialah bentuk tangan, orientasi tapak tangan, lokasi tangan, pergerakan dan ekspresi muka. Konsep komunikasi seluruh diterapkan dalam PdP bagi MBK ketidakupayaan pendengaran ini. Semua medium dalam komunikasi iaitu isyarat tangan, ejaan jari, bacaan bibir, gerak tubuh, ekspresi muka serta suara dan baki

pendengaran yang ada digunakan dalam konsep komunikasi seluruh ini. Semasa isyarat digunakan, guru akan menyebut setiap perkataan yang diisyaratkan berserta dengan ekspresi muka serta pelbagai cara lain yang disepadukan secara serentak (*DSKP Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas (Ketidakupayaan Pendengaran) Pendidikan Islam (Suaian 2017)*)

Kaedah komunikasi pengajaran yang pelbagai bagi MBK kurang upaya pendengaran ini dibenarkan berasaskan analisis dokumen Kod Amalan Pendidikan Khas di dalam Perkara 5 yang dikeluarkan oleh Bahagian Pendidikan Khas goh Pendidikan Malaysia 2014:

5.12 Guru yang melaksanakan PdP murid kurang upaya pendengaran perlu mengaplikasikan pendekatan komunikasi seluruh yang merangkumi kod isyarat, lisan, gerak badan, mimik muka, dan gerak bibir bersesuaian dengan tahap keupayaan individu. PdP murid masalah pendengaran juga menekankan penggunaan Bahasa Malaysia Kod Tangan (BMKT) yang disokong oleh Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) dan diguna bersama dengan lisan bagi merangsang sisa pendengaran dan pertuturan sedia ada murid (*Kod Amalan Pendidikan Murid Berkeperluan Khas, Bahagian Pendidikan Khas Kementerian Pendidikan Malaysia 2014*).

Dapatan daripada kajian ini menunjukkan semua peserta kajian menggunakan Kod Tangan Bahasa Melayu (KTBM) sebagai kaedah komunikasi semasa pengajaran Pendidikan Islam. Hal ini kerana, KTBM merupakan kaedah komunikasi utama yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia. Namun begitu Komunikasi Seluruh, Bahasa Isyarat Malaysia, Bahasa Isyarat Islam dan ejaan jari juga dibenarkan untuk memudahkan penyampaian pengajaran Pendidikan Islam.

Selain itu juga, terdapat beberapa cabaran komunikasi yang dihadapi oleh guru dalam menyampaikan pengajaran Pendidikan Islam kepada MBK kurang upaya pendengaran seperti kemahiran penggunaan Bahasa Isyarat, perbezaan antara Kod Tangan Bahasa Melayu (KTBM) dengan Bahasa Isyarat Malaysia (BIM), kekurangan kod dan isyarat tangan serta kekurangan penggunaan kaedah alternatif. Dapatan kajian berkenaan cabaran dalam komunikasi yang dihadapi oleh guru adalah berdasarkan soalan separa berstruktur iaitu: 1. Apakah cabaran yang anda hadapi ketika berkomunikasi dengan MBK kurang upaya pendengaran semasa pengajaran Pendidikan Islam? dan, 2. Bagaimana anda mempelajari Kod Tangan Bahasa Melayu dan Bahasa Isyarat?

*a. Kemahiran Penggunaan Bahasa Isyarat:* Menurut Lourghan (2013) untuk menyampaikan sesuatu perkara atau pengajaran kepada komuniti pekak perlulah menggunakan bahasa isyarat sebagai bentuk komunikasi utama. Penggunaan Bahasa Isyarat melalui KTBM dan BIM adalah penting, apatah lagi untuk mengajar Pendidikan Islam kepada MBK kurang upaya pendengaran. Kebanyakan peserta kajian mengakui kurang mahir menggunakan Bahasa Isyarat kerana tidak pernah mengikuti kursus yang berkaitan Bahasa Isyarat. Bahkan ada sebahagian peserta kajian mempelajari Bahasa Isyarat secara sendiri melalui buku teks dan guru yang berpengalaman. Hal ini boleh didapati hasil temu bual bersama G2, G3, G4 dan G7 seperti berikut:

“Setakat ni takda ikut mana-mana kursus lagi. Saya belajar dari buku la. Kebanyakannya saya belajar sendiri ataupun melalui guru-guru dan murid-murid yang dah lebih tahu.” (Temu bual G2)

“Saya akui saya tidak lah mahir sangat kod tangan dan bahasa isyarat. Saya masih lagi belajar. Belajar pun sendiri sendiri je.” (Temu bual G3)



“Untuk kursus dan latihan berkaitan untuk bahasa isyarat takda lagi yang saya ikuti. Sebab tak pernah dipanggil.” (Temu bual G4)

“Dulu ada la sekali ikut kursus. tapi tu lebih kepada cara mengajar murid khas secara umum. Kalau untuk khas murid pekak dan Bahasa isyarat tak pernah join lagi.” (Temu bual G7)

Daripada data temu bual di atas, jelaslah tidak semua guru mampu mengajar Pendidikan Islam kepada MBK kurang upaya pendengaran dengan baik. Selain perlu menguasai bidang Pendidikan Islam, guru haruslah mengetahui dan menguasai kaedah pengajaran melalui Bahasa Isyarat yang merupakan salah satu medium komunikasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

*b. Perbezaan Kod Tangan Bahasa Melayu (KTBM) dengan Bahasa Isyarat Malaysia (BIM):* Terdapat perbezaan kod tangan dan isyarat tangan seperti yang dinyatakan oleh guru dalam menyampaikan pengajaran Pendidikan Islam kepada MBK kurang upaya pendengaran. Semua peserta kajian yang telah ditemu bual menggunakan Kod Tangan Bahasa Melayu (KTBM) dan terdapat sebahagian yang lain menggunakan Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) sebagai kaedah sampingan. Bahasa isyarat rasmi di sekolah adalah KTBM manakala penggunaan harian secara biasa adalah dengan menggunakan BIM. Hal ini boleh didapati hasil temubual bersama G1, G4 dan G6 seperti berikut:

“Sekarang ni memang ada sebahagian murid kita belajar daripada MFD (Persekutuan Orang Pekak Malaysia) dan ramai dah di sekolah ni. Mereka mempertikaikan kita kenapa dia buat (isyarat) kat sana lain, kat sekolah lain. Jadi saya terangkan, sini (sekolah) belajar kena guna (KTBM), kat sana (luar sekolah) awak boleh bercakap dengan bahasa dia (BIM).” (Temu bual G1)

“Saya pun kadang-kadang keliru mana satu yang KTBM dan mana satu BIM. Sebab murid ni kata kat rumah mak ayah mereka pakai isyarat yang lain.” (Temu bual G4)

“Saya perasan juga kadang-kadang tu macam beza je KTBM dengan BIM ni.” (Temu bual G6)

*c. Kekurangan Kod dan Isyarat Tangan:* Walaupun kaedah komunikasi melalui KTBM dan BIM turut digunakan oleh sebilangan guru untuk membantu kefahaman murid, namun masih terdapat beberapa perkataan atau istilah yang tidak dapat diisyaratkan. Ini kerana terdapat beberapa perkataan atau istilah tersebut amat baru bagi golongan pekak terutamanya bagi MBK kurang upaya pendengaran. Hal ini boleh didapati hasil temu bual bersama G1, G2, G3 dan G4 seperti berikut:

“Ada kod tangan dalam buku teks tak cukup nak ajarkan pada murid. Jadi susah juga saya nak ajar murid-murid ni. Contohnya dalam bab akidah, nak terangkan perkataan pahala dan dosa pun susah.” (Temu bual G1)

“Saya terpaksa guna kaedah campur kod tangan dan bahasa isyarat. Maknanya kalau satu kod tu isyarat tu tak da dalam KTBM, saya akan rujuk bahan bahan lain contohnya dalam BIM.” (Temu bual G2)

“Ada juga kod tangan yang tak cukup. Sebab sesetengah perkataan tu tidak ada dalam buku panduan kod KTBM. Jadi saya terpaksa menggunakan buku ini iaitu BIM Bahasa Isyarat Malaysia.” (Temu bual G3)

“Saya gunakan buku teks tu sebab dalam buku teks tu dia ada isyarat menunjukkan kod isyarat sekali. Tapi kadang-kadang tiada kod yang sesuai pula.” (Temu bual G4)

Oleh yang demikian, kekurangan kod atau isyarat tangan serta kod yang tidak sesuai dalam pengajaran Pendidikan Islam akan mengakibatkan MBK kurang upaya pendengaran akan ketinggalan dalam mata pelajaran tersebut. Menurut Mohd Huzairi Awang (2010), kebanyakan murid pekak tidak berminat menghadiri kelas tambahan fardu ain, selalu mengelak diri dari menghadiri kelas fardu ain dan sukar memahami pembelajaran fardu ain yang diikuti kerana menghadapi masalah memahami istilah-istilah abstrak dalam Pembelajaran Asas Fardu Ain (PAFA). Jadi masalah yang dihadapi oleh murid yang mengalami ketidakupayaan pendengaran atau kepekaan dalam proses pengajaran PAFA sudah pasti mengalami masalah yang serupa dalam mempelajari Pendidikan Islam. Hal ini kerana kebanyakan istilah dalam kedua-dua mata pelajaran tersebut dalam Bahasa Arab. Sepertimana yang dijelaskan sebelum ini, bahawa antara isu dalam penyampaian Pendidikan Islam bagi golongan ini adalah kekurangan kod atau isyarat tangan yang sesuai dan yang mudah difahami. Sekiranya tiada penggunaan kod atau isyarat tangan yang sesuai dalam pengajaran, akan menyebabkan MBK kurang upaya pendengaran akan berasa kurang berminat untuk mempelajari sesuatu perkara kerana mereka tidak memahami pengajaran yang disampaikan (Cooper et al. 2013).

*d. Kekurangan Penggunaan Kaedah Alternatif:* Oleh kerana pengajaran Pendidikan Islam bagi MBK kurang upaya pendengaran memerlukan kepelbagaian kaedah komunikasi, maka guru seharusnya tidak terikat dengan satu cara atau kaedah dalam pengajaran. Hal ini disebabkan MBK kurang upaya pendengaran mempunyai tahap keupayaan pendengaran yang pelbagai. Bahkan ada sebahagian murid boleh bertutur dan ada yang tidak boleh bertutur. Oleh kerana kemahiran guru dalam berbahasa isyarat serta masalah kekurangan kod dan bentuk isyarat yang sesuai bagi sesuatu perkataan, guru terpaksa menggunakan kaedah yang dirasakan sesuai asalkan matlamat dan objektif pembelajaran Pendidikan Islam tercapai. Hal ini boleh didapati hasil temu bual bersama G1, G3 dan G5 seperti berikut:

“Saya cari perkataan yang seerti dengan dia, perkataan seerti kalau dah tak jumpa sangat dia tak tahu sangat, carikan gambar. Kalau gambar takda kita akan ejakannya.” (Temu bual G1)

“Yang tak boleh bersuara kita hurufkan, maknanya kita dapatkan huruf bagi dia dan bentukkan dengan isyarat.” (Temu bual G3)

Kaedah alternatif yang digunakan biasanya melibatkan ejaan jari apabila peserta kajian tidak menjumpai atau mengetahui kod tangan atau isyarat tangan yang sesuai pada sesuatu perkataan. Ada juga sebahagian peserta kajian terpaksa menggunakan isyarat sendiri yang dirasakan sesuai, kerana pada pandangannya isyarat tersebut mampu difahami oleh murid seperti hasil temubual bersama G5 dan G7.

“Kadang-kadang campur pun ada juga. Sebab kod atau isyarat dalam buku KTBM tu takda isyaratnya.” (Temu bual G5)

“Kadang-kadang tu buat isyarat sendiri. Saya gabungkan kod tangan dan isyarat tangan yang saya rasa sesuai. Yang penting murid boleh faham.” (Temu bual G7)

### Perbincangan

Guru perlu mengenalpasti tahap kehilangan pendengaran yang dialami oleh MBK kurang upaya pendengaran sebelum pengajaran. Hal ini penting agar guru dapat merancang penggunaan komunikasi yang sesuai supaya pengajaran dapat disampaikan dengan baik serta berjalan dengan lancar. Secara umumnya, kaedah komunikasi yang digunakan oleh guru untuk menyampaikan isi kandungan mata pelajaran Pendidikan Islam kepada MBK kurang upaya pendengaran adalah melalui pendekatan verbal dan non-verbal. Pendekatan verbal lebih menumpukan aspek penggunaan pertuturan atau oral, manakala pendekatan non-verbal pula melalui penggunaan kod tangan dan bahasa isyarat serta ejaan jari dan melalui penulisan. Di samping itu juga, memek muka serta pergerakan tubuh badan juga dapat membantu MBK kurang upaya pendengaran memahami maklumat atau perkara yang ingin disampaikan oleh seseorang. Guru disarankan menyampaikan pengajaran dengan menggabungkan pendekatan verbal dan non-verbal bersesuaian dengan konsep Komunikasi Seluruh. Bagi murid yang mempunyai sisa pendengaran dan boleh bertutur sudah semestinya mereka mesti diajar untuk membaca al-Quran sepertimana murid tipikal. Oleh kerana terdapat beberapa murid yang tidak boleh mendengar langsung belajar bersama murid yang mempunyai sisa pendengaran dalam satu masa, maka guru perlu mengajar dengan Kaedah Seluruh yang meliputi pertuturan dan isyarat atau kod tangan.

Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, ada sebahagian MBK kurang upaya memiliki sisa pendengaran dan boleh bertutur. Oleh itu, bagi murid yang boleh bersuara dan bertutur, mereka mesti diajar dengan kaedah oral supaya mereka boleh melatih pertuturan. Kebanyakan guru menggunakan kaedah komunikasi berasaskan pertuturan apabila mengajar Pendidikan Islam terutamanya dalam bidang Tilawah al-Quran dan Ibadah seperti perkara solat. Hal ini kerana pembelajaran Tilawah al-Quran melibatkan kemahiran membaca secara bertajwid. Begitu juga dalam perkara solat, rukun *Qawli* yang melibatkan bacaan-bacaan tertentu amat penting dalam memastikan sah solat tersebut. Dalam hal ini, murid terlebih dahulu perlu diberi terapi pertuturan bagi membolehkan mereka diajar untuk menyebut dan membaca. MBK kurang upaya pendengaran yang boleh dikategorikan dalam kategori sederhana juga boleh diajar membaca dengan menggunakan alat amplifikasi. Menurut Kayi Ntinda et al. (2019), golongan kurang pendengaran (*partially hearing*) dan sederhana boleh diajar bertutur dengan menggunakan alat amplifikasi melalui komponen latihan pertuturan iaitu artikulasi, baca bibir dan latihan auditori. Dengan demikian MBK kurang upaya pendengaran boleh didedahkan dengan pembacaan al-Quran dan doa-doa tertentu untuk dibaca dalam solat.

Kod tangan dan isyarat tangan digunakan bagi menggantikan sebutan-sebutan huruf dan perkataan yang digunakan oleh MBK kurang upaya pendengaran dalam mempelajari Pendidikan Islam. Penggunaan komunikasi berdasarkan kod tangan dan isyarat tangan bergantung pada tahap kehilangan pendengaran MBK kurang upaya pendengaran itu sendiri. Jikalau seseorang murid tersebut boleh bersuara, maka guru tidak boleh menggunakan kod tangan atau isyarat tangan semata-mata. Guru seharusnya melatih murid menyebut sesuatu perkataan terlebih dahulu menggunakan kaedah Oral. Selain itu, guru digalakkan untuk menggunakan pendekatan *Speech Teraphy* jika guru tersebut mempunyai kemahiran tersebut. Jika tidak, guru boleh membantu latihan pertuturan murid dalam pengajaran agar dapat melatih murid membaca terutamanya dalam bidang Tilawah al-Quran.

Bagi memastikan hasil pembelajaran Pendidikan Islam tercapai, disarankan kepada guru untuk menggunakan apa saja kaedah komunikasi selain kaedah-kaedah utama yang disebutkan sebelum ini. Guru juga boleh menggunakan kaedah komunikasi melalui ejaan jari, tulisan, lukisan atau penggunaan teknologi maklumat kerana tiada suatu kaedah yang boleh diterapkan kepada semua murid dalam satu masa. Oleh yang demikian guru bukan sahaja menguasai isi kandungan

pelajaran, bahkan guru juga perlu mahir tentang komunikasi yang sesuai untuk menyampaikan isi kandungan pelajaran tersebut. Selain itu, pihak pengurusan sekolah, Jabatan Pelajaran Negeri serta Bahagian Pendidikan Khas haruslah menganjurkan kursus dan latihan berkala kepada guru yang mengajar MBK kurang upaya pendengaran terutamanya dalam bentuk komunikasi pengajaran. Komunikasi yang berkesan amat penting bagi memastikan matlamat pembelajaran dapat dicapai oleh murid. Jadi latihan bagi guru amat penting terutamanya bagi guru novis yang boleh dianggap masih baru dalam perkhidmatan pendidikan bagi MBK kurang upaya pendengaran. Guru-guru yang mengajar MBK kurang upaya pendengaran juga perlu berusaha menambahkan pengetahuan dan kemahiran sedia ada dalam berkomunikasi dengan murid.

Kesimpulannya, komunikasi dalam pengajaran Pendidikan Islam bagi MBK kurang upaya pendengaran tidak boleh dipandang ringan supaya murid dapat mencapai objektif pembelajaran. Di samping penguasaan kemahiran kandungan mata pelajaran Pendidikan Islam, guru juga perlu menguasai kaedah komunikasi dalam pengajaran. Walaupun MBK kurang upaya pendengaran mengalami pelbagai tahap kehilangan pendengaran, mereka tetap mempunyai potensi dan berpeluang untuk menguasai mata pelajaran Pendidikan Islam. Pengajaran terhadap murid ini memerlukan sistem komunikasi yang sesuai serta perancangan yang teliti daripada pihak guru bagi memastikan hasil pembelajaran Pendidikan Islam dapat dicapai. Dari sudut peraturan, penggunaan KTBM adalah kaedah utama yang perlu diutamakan di samping penggunaan BIM juga dibenarkan untuk membantu kefahaman murid. Bagi murid yang boleh bersuara pula, guru semestinya menggunakan kaedah oral atau terapi pertuturan agar murid dapat melatih diri mereka untuk membaca al-Quran dengan lebih baik. Oleh kerana terdapat murid yang tidak boleh mendengar dan yang mempunyai sisa pendengaran berada dalam satu masa di bilik darjah, maka guru perlu menggunakan kaedah Komunikasi Seluruh agar kesemua MBK kurang upaya pendengaran dapat menguasai aspek bacaan, hafazan dan kefahaman dalam pembelajaran Pendidikan Islam.

### Acknowledgement

This article is published as part of the findings of research funded by Research University Grant (GUP-2016-073).

### References

- Abdullah Yusoff. 2001. Kecacatan komunikasi berkaitan dengan pendidikan, bahasa dan kebahasaan orang pekak. *Jurnal Dewan Bahasa* 1(9): 29-36.
- Akram, Bushra & Bashir, Rukhsana. 2013. Special Education and deaf children in Pakistan: an overview. *Journal of Elementary Education* 22(2): 33-44.
- Akta Pendidikan. 1996. *Akta 550. Undang-Undang Malaysia*. Cetakan Semula. Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang, Malaysia. Petaling Jaya: International Law Book Services.
- Antia, S. D. 2007. Can deaf and hard of hearing students be successful in general education classrooms? [Electronic Version]. Teachers College Record. <http://www.tcrecord.org>. Retrieved: February 5, 2007.
- Antia, S. D., Sabers, D. & Stinson, M. S. 2007. Validity and reliability of the Classroom Participation Questionnaire with deaf and hard of hearing students in public schools. *Journal of Deaf Studies and Deaf Education* 12: 158-171.
- Asiah Hj. Ahmad. 2012. *Mengenal dan Menangani Orang Kurang Upaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Burnip, B. 2002. Communication skills. In, Loise Porter. *Educating Young Children with Special Needs*. New South Wales: Allen Unwin.
- Chua Tee Tee. 1976. *Communication for Hearing Handicapped in Malaysia. Communication for the Hearing Impaired, An International Prospective*. Baltimore: University Park Press.

- Chua Tee Tee. 1980. Implication of using total communication of teaching the deaf in Malaysia. *Suara Pendidik* 6(2): 2-9.
- Cooper, Sheryl B., Jody H., Cripps, & Joel I. 2013. Service-learning in deaf studies: Impact on the development of altruistic behaviors and social justice concern. *American Annals of The Deaf* 157(5): 413-427.
- Dasar Pendidikan Kebangsaan. 2017. Kementerian Pelajaran Malaysia. Selangor: Firdaus Press Sdn Bhd.
- Ghari, Zohreh. 2016. The cognitive, psychological and cultural impact of communication barrier on deaf adults' content of speech in Iran. *Journal of Deaf Studies and Hearing Aids* 4(3): 375-4427.
- Goh, B.-S., Fadzilah, N., Abdullah, A., Othman, B. F., & Umat, C. 2018. Long-term outcomes of Universiti Kebangsaan Malaysia cochlear implant program among paediatric implantees. *International Journal of Pediatric Otorhinolaryngology* 105: 27-32.
- Greenberg, M.T., Kusche, C.A., Cook, E.A., & Quamma, J. 1995. Promoting emotional competence in school-aged children: the effects of the PATH Curriculum. *Development and Psychopathology* 7: 117-136.
- Grushkin, Donald A. 2006. The more things change the linguistics of American sign language: an introduction. *The Journal of Deaf Studies and Deaf Education* 11(2): 269-272.
- Hamdi bin Ishak. 2011. Amalan pengajaran guru pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (masalah pendengaran) satu kajian kes. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Julia Jantan & Siti Suhaila Samian. 2007. *Perkembangan dan Ciri-ciri Kanak-kanak Berkeperluan Khas*. Kuala Lumpur: Open University Malaysia.
- Juliana Samsudin, Cila Umat, Siti Zamratol-Maisarah Mukari & Quar Tian Kar. 2017. Pencapaian auditori kanak-kanak pengguna implan koklea di bawah program implan koklea kebangsaan. *Jurnal Sains Kesihatan Malaysia* 15(2): 2017: 59-72.
- Kartini Ahmad. 1997. Auditori verbal workshop for Asia Pacific region. Institut Kefahaman Islam. Kuala Lumpur, 24-26 October.
- Kayi Ntinda, S'lungile K. Thwala, Bonginkhosi Tfus. 2019. Experiences of teachers of deaf and hard- of- hearing students' in a special needs school: an exploratory study. *Journal of Education and Training Studies* 7(7): 79-89.
- Kelly, C., Morgan, G., Freeth, M., Siegal, M., and Matthews, D. 2019. The understanding of communicative intentions in children with severe to profound hearing loss. *The Journal of Deaf Studies and Deaf Education* 24(3): 245-254.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2004. *Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khatoon, A. 2003. A historical and evaluative study of special. Doctoral Thesis, Special Education Department University of Karachi.
- Marchetti, C., Foster, S., Long, G., & Stinson, M. 2012. Crossing the communication barrier: facilitating communication in mixed groups of deaf and hearing students. *Journal of Postsecondary Education and Disability*. 25(1): 51-63.
- Mohd Huzairi Awang. 2010. Persepsi pelajar bermasalah pendengaran terhadap pembelajaran asas fardhu ain: Cabaran terhadap guru. *Proceedings of the 4th International Conference on Teacher Education*. Join Conference UPI & UPSI (pp. 240 - 250). Bandung, Indonesia. 8-10 November.
- Mohd Huzairi Awang. 2017. Penghayatan Fardhu Ain remaja pekak di Malaysia. Tesis Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Noreha binti Mohd Yusof. 2008. *Kemahiran Guru Pendidikan Khas Bermasalah Pendengaran Terhadap Penggunaan Alat Bantuan Pendengaran di Kalangan Murid-Murid Khas Bermasalah Pendengaran di Sekolah Pendidikan Khas dan Integrasi di Negeri Perak*.



- Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ns. Mardiyanti & Luh Putu Suta Haryanthi. 2018. Challenges on Learning Islam among deaf Muslim in an Indonesian context: deaf teachers' perspective. *International Medical Journal Malaysia* 17(1): 17-21.
- Patsy Kam. 1995. One who has beaten the odds. *The Star*. 4 December: section 2/7.
- Safari Bari et al. 2005. Kaedah Komunikasi Seluruh dan Pencapaian Murid-murid Bermasalah Pendengaran Dalam Peperiksaan. Laporan Penyelidikan Fakulti Pendidikan UKM. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Simser, J.I. 1997. Bengkel auditori-verbal untuk Asia pasifik. Prinsip-prinsip Auditori-Verbal. Institut Kefahaman Islam. Kuala Lumpur, 24-26 October.
- Warta Kerajaan Persekutuan. 2013. *Peraturan-peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas)*. Putrajaya: Jabatan Peguam Negara.
- Yasin, M. H. M., Bari, S., & Hassan, N. A. M. 2013. Cue speech and language achievement of hearing-impaired children. *Asian Social Science* 9(16): 81-86.